

07 NOV 1999

Mahathir-Indonesia

INDONESIA MAHU MASALAH DUA HALA DISELESAI SECARA RUNDINGAN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Indonesia berpendapat masalah dua hala antara republik itu dengan Malaysia boleh diselesaikan melalui rundingan.

Perkara itu dinyatakan oleh Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid dalam pertemuan dengannya di sini semalam.

"Kita (Malaysia) dapati bahawa daripada segi perhubungan dua hala, tidak ada banyak perubahan selain daripada mereka (Indonesia) berpendapat apa juga masalah antara Malaysia dengan Indonesia boleh diselesaikan melalui rundingan, tak payah rujuk dengan mana-mana pihak ketiga," katanya kepada pemberita ketika mengunjungi majlis Rumah Terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di sini.

Antara masalah dua hala yang dihadapi kedua-dua negara sekarang ialah tuntutan bertindih terhadap kepulauan Ligitan dan Sipadan.

Dr Mahathir yang diminta mengulas pertemuannya dengan Abdurrahman yang juga dikenali sebagai Gus Dur semalam, berkata perbincangan mereka berkisar kepada perkenalan kerana Malaysia ingin mengetahui dan mengenali dengan lebih dekat pemerintahan baru Indonesia.

Presiden keempat Indonesia, yang mengetuai delegasi seramai 40 orang, tiba di sini petang semalam untuk lawatan kerja dua hari ke Malaysia. Beliau berlepas ke Myanmar pagi ini.

Mengenai permintaan Indonesia bagi kredit tambahan pembelian beras, Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia memberikan tambahan.

"Kita telah memberi mereka kredit bagi pembekalan beras. Kita telahpun menghantar beras bernilai kira-kira US\$50 juta tetapi mereka memerlukan lebih banyak lagi, kita bersedia memberikan lebih kredit kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata kemudahan kredit itu diberikan kepada Indonesia atas semangat membantu negara jiran.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar semasa memberi taklimat kepada pemberita selepas mesyuarat Malaysia-Indonesia semalam berkata Indonesia meminta tambahan kredit US\$200 juta daripada US\$100 juta yang diberikan Petronas untuk membeli beras.

Menurut Syed Hamid, Indonesia, negara keempat paling padat dengan penduduk di dunia pernah menjadi pengeksport beras tetapi kini tidak mampu membeli komoditi itu kerana kekurangan simpanan asing berpunca daripada krisis kewangan negara itu.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengambil lebih banyak pekerja dari Indonesia, Dr Mahathir berkata pengambilan akan dilakukan mengikut keperluan tetapi buat masa ini Malaysia mempunyai pekerja yang mencukupi.

-- BERNAMA

AFY RON